

'Tindakan Muhyiddin buka ruang perubahan'

BH- 17/8/2021 ml: 7

Kuala Lumpur: Pakatan Harapan (PH) menyifatkan peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri sebagai membuka ruang ke arah perubahan.

Merakamkan penghargaan atas perkhidmatan Muhyiddin, Pengerusi PH yang juga Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata semua pihak perlu bertenang dalam menghadapi situasi semasa.

"Keputusan Tan Sri Mahiaddin Yassin (Muhyiddin) meletak jawatan hari ini (semalam) disambut baik serta akan membuka ruang ke arah perubahan buat negara.

"Saya menggesa semua pihak bertenang dan berdoa supaya Malaysia kembali bangkit kuat dalam menghadapi tentangan kesihatan dan ekonomi saat ini.

"Saya ucap terima kasih atas khidmat beliau pada negara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, PAS kekal konsisten bersama Perikatan Nasional (PN), walaupun Muhyiddin meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.

Ketua Penerangan PAS Pusat, Kamaruzaman Mohamad, berkata pada masa sama, parti itu turut mendukung sepe-

nuhnya Muafakat Nasional (MN) yang digagaskan bersama UMNO.

Katanya, pendirian itu selari dengan kekuatan PAS yang memiliki 18 kerusi Parlimen, sekali gus mampu menentukan jatuh dan tertegaknya sesebuah kerajaan.

"Setakat ini PAS tetap bersama PN dan mendukung sepenuhnya MN yang menjadi penyelamat daripada kerajaan Pakatan Harapan (PH) selama 22 bulan

"Apa sahaja tindakan selepas ini, kita tetap bersama PN," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata, PAS merakamkan jutaan terima kasih kepada Kabinet pimpinan Muhyiddin yang bertungkus-lumus menjaga negara menangani pandemik COVID-19.

Dengan dedikasi yang tinggi, katanya, segala usaha dilakukan mula membuahkan hasil apabila program vaksinasi dilihat berjaya.

"Begitu juga strategi Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dijangka dapat diselesaikan hujung tahun ini," katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, menyifatkan semangat kerja berpasukan di Kementerian Pengangkutan menjadikan tu-

gasnya lebih lancar.

Merakamkan penghargaan kepada warga Kementerian Pengangkutan yang banyak membantunya sejak bergelar menteri pada 11 Mac, beliau turut memohon maaf jika ada kekurangan sepanjang setahun tujuh bulan lima hari memikul tanggungjawab itu.

Ka Siong turut mengucapkan terima kasih kepada Muhyiddin yang memberi kepercayaan kepadanya, selain menyatakan penghargaan kepada rakan Kabinet yang bersama-sama memulihkan negara dan membela nasib rakyat.

"Semoga kita dapat melalui waktu sukar ketika ini dan mengecapi kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. Jaga diri semua!" katanya dalam hantaran Facebook, semalam.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, berkata DAP menghargai keputusan Muhyiddin yang mengambil langkah berlandaskan Perlembagaan selepas kehilangan sokongan majoriti.

"Selama 17 bulan berkuasa, Muhyiddin ada berusaha tetapi tidak mampu menangani krisis tiga berganda pandemik COVID-19, kemelesetan ekonomi dan ketidakstabilan poli-

tik," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, DAP menekankan tiga pelan yang perlu difokuskan kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri baharu khususnya berkaitan COVID-19 dan normalisasi ekonomi.

Katanya, pengganti Muhyiddin perlu melakukan tugas jauh lebih baik dalam menangani tiga krisis iaitu pandemik COVID-19, kemelesetan ekonomi dan ketidakstabilan politik.

Beliau berkata, tiga aspek terbahit ialah mempercepatkan lagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk memastikan imuniti kelompok dicapai dengan suntikan vaksin.

"Pelan 'reset' COVID-19 perlu dilancarkan untuk beralih daripada membendung COVID-19 kepada mitigasi hidup dengan pandemik itu.

"Begitu juga Pelan Normalisasi Ekonomi untuk meletakkan Malaysia kembali ke landasan pemulihan dengan penekanan terhadap pekerjaan, membuka semula ekonomi dan bantuan kewangan berka- la kepada perniagaan dan penganggur," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

“ Saya menggesa semua pihak bertenang dan berdoa supaya Malaysia kembali bangkit kuat dalam menghadapi tentangan kesihatan dan ekonomi saat ini ”



Anwar Ibrahim,
Pengerusi PH

“ Pengganti Muhyiddin perlu melakukan tugas jauh lebih baik dalam tangani tiga krisis iaitu pandemik COVID-19, kemelesetan ekonomi dan ketidakstabilan politik ”



Lim Guan Eng,
Setiausaha Agung DAP